

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KUNJUNGAN HORMAT MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA KE ATAS KETUA PENGARAH PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA (WTO), DR. NGOZI OKONKO- IWEALA

GENEVA, 30 September 2022 - Kunjungan hormat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi ke atas Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Dr. Ngozi Okonko-Iweala, hari ini sangat bermanfaat dan berguna, dengan menyentuh pelbagai isu berkaitan sumbangan WTO terhadap pertumbuhan ekonomi serta pembangunan Malaysia.

2. Dato Sri Alexander diiringi Wakil Tetap Malaysia ke WTO, Dr Rashidi Said.
3. Pada ucap tama Dr Iweala, beliau menzahirkan ucapan tahniah terhadap prestasi ekonomi Malaysia yang secara relatifnya utuh dan teguh.
4. Dr Iweala menegaskan bahawa Malaysia kekal aktif dalam pembabitannya di peringkat WTO dan Malaysia diyakini berupaya menjadi penyumbang utama ke arah agenda WTO dalam aspek pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

5. Dato Sri Alexander turut berkongsi peranan kementerian dalam menyelia aspek kos sara hidup, sekali gus menyokong pandangan Dr Iweala bahawa wujud keperluan untuk “kita berfikir di luar kotak dan mencapai matlamat yang digariskan” termasuk merungkai rangkaian cabaran seperti isu berkaitan harga makanan.

6. Berikutan isu kelaparan di peringkat global yang semakin meruncing susulan pandemik dan krisis keselamatan makanan yang masih membelenggu dunia, Malaysia juga mengalu-alukan inisiatif WTO dalam memastikan bekalan keperluan asas yang mencukupi serta dijual pada harga berpatutan.

7. Ia diyakini berupaya membantu negara seperti Malaysia dalam mengurangkan beban kewangan menerusi penyaluran peruntukan subsidi terhadap barangan makanan kepada masyarakat. Harga barangan akan merekodkan penyusutan, dengan aliran perdagangan yang baik dan disokong rangkaian bantuan mudah cara, sekali gus menjana manfaat kepada pengguna.

8. Inisiatif lain direncana WTO yang disifatkan sebagai amat bertepatan untuk Malaysia adalah Inisiatif Kenyataan Bersama mengenai Perdagangan Elektronik. Hal ini kerana pandemik mencetuskan perubahan transaksi oleh pengguna. Justeru, inisiatif berkaitan perdagangan elektronik ini bakal membantu Malaysia untuk mengawal selia sektor ini sewajarnya, selain tidak merencatkan pertumbuhan industri.

9. Dalam merintis pertumbuhan sektor perdagangan elektronik, kementerian menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan melaksanakan kajian pasaran bagi memastikan sektor ini kekal berdaya saing, tanpa menjejaskan pasaran dalam talian.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

30 September 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

